

Ahli Parlimen Sarawak gesa PM lulus usul kenaikan 20% royalti minyak

Malaysian Insider

Jun 16, 2014

Oleh Diyana Ibrahim

Ahli Parlimen Kuching, Chong Chieng Jen hari ini menggesa Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak meluluskan usul kenaikan royalti minyak sebanyak 20% yang akan dibentangkan Khamis ini di Dewan Rakyat untuk dijadikan sebagai urusan keutamaan Putrajaya.

Chong daripada DAP berkata, perdana menteri seharusnya meluluskan usul tersebut menggunakan peraturan mesyuarat aturan Dewan Rakyat (14) untuk menyatakan persetujuan permohonan Dewan Undangan Negeri (DUN) untuk menaikkan peratusan jumlah royalti minyak.

"Tanpa aturan mesyuarat 14 (2) tidak mungkin usul yang kami bawa akan diterima oleh speaker dan akan berakhir begitu sahaja.

"Sekiranya Najib ikhlas dan bersetuju dengan permohonan DUN Sarawak yang meluluskan resolusi pembakaran kenaikan royalti minyak, beliau perlu meluluskan usul ini dengan segera," katanya pada sidang media di Parlimen, Kuala Lumpur hari ini.

Sehubungan itu, katanya, beliau berkata pihaknya menyediakan petisyen yang akan diserahkan kepada perdana menteri sebagai usaha meluluskan usul tersebut.

"Buat masa ini, semua ahli Parlimen Pakatan Rakyat sudah menandatangani petisyen tersebut.

"Kami juga mengalu-alukan penglibatan ahli Parlimen BN untuk menandatangani petisyen tersebut memandangkan Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Adenan Satem juga tidak menghalang kenaikan royalti minyak sebanyak 20%," katanya.

Katanya perdana menteri tidak boleh menolak permohonan sekiranya petisyen itu mendapat persetujuan lebih separuh daripada ahli Parlimen.

"Kini PR mempunyai 88 ahli Parlimen di Dewan Rakyat, Terdapat 25 ahli Parlimen BN Sarawak sekiranya digabungkan kita akan mendapat majoriti mudah," katanya.

Beliau berkata usul tersebut perlu diluluskan berdasarkan resolusi yang dibuat ketika sidang DUN Sarawak.

"Ketika sidang DUN Mei lalu, kerajaan persekutuan bersetuju dengan permohonan kerajaan negeri menaikkan royalti minyak dari 5% ke 20%.

"Kerajaan persekutuan juga terus secara tidak langsung menyerahkan dan melengkapkan segala dokumen perjanjian daripada segi perundangan mengenai kenaikan tersebut," katanya.

Beliau juga berkata amat penting kerajaan persekutuan menyokong usaha tersebut agar ia dapat membantu menjana ekonomi Sabah Sarawak.

"Kami amat memerlukan bagi pembangunan di Sabah dan Sarawak, kenaikan royalti minyak akan memberikan manfaat kepada rakyat.

"Seperti yang kita tahu pembangunan Sabah dan Sarawak begitu kebelakang dan dengan royalti dapat membantu menambah baik infrastuktur negeri itu," katanya. – 16 Jun, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/ahli-parlimen-sarawak-gesa-pm-lulus-usul-kenaikan-20-royalti-minyak>